

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

1 JANUARI 2026

TM. 20/2026

VM2026 DILANCARKAN: MALAYSIA MENYAMBUT MESRA PELAWAT DI SELURUH NEGARA

KOTA KINABALU — Majlis sambutan ketibaan pelawat terawal bersempena pelancaran rasmi Visit Malaysia 2026 (VM2026) di Sabah telah dilaksanakan melalui kerangka kerjasama Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS) dan Tourism Malaysia, selaras dengan peranan Kerajaan Negeri Sabah sebagai pemacu utama perancangan dan pembangunan pelancongan di peringkat negeri.

Majlis sambutan ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan bersepadu sambutan ketibaan pelawat terawal yang diadakan di 55 pintu masuk utama dan lokasi terpilih di kesemua 13 negeri, termasuk lapangan terbang antarabangsa, terminal feri dan hab pengangkutan darat utama.

YB Datuk Jafry Ariffin, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, hadir menyempurnakan sambutan ketibaan pelawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), sekali gus mencerminkan kepimpinan institusi KePKAS dalam memastikan kesiapsiagaan Sabah dari aspek tadbir urus destinasi, pengalaman pelawat serta kesinambungan pembangunan pelancongan yang berteraskan kekuatan tempatan.

Bagi Negeri Sabah, lima (5) lokasi utama telah dipilih sebagai tempat penganjuran, iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Sandakan, Lapangan Terbang Tawau, Lapangan Terbang Lahad Datu dan Terminal Feri Tawau. Pelaksanaan majlis sambutan ini diselaras oleh KePKAS bersama agensi-agensi negeri berkaitan serta penggiat industri pelancongan.

Menurut YB Datuk Jafry Ariffin, penyertaan Sabah dalam VM2026 membawa makna strategik yang lebih luas dan melangkaui aspek promosi semata-mata.

"VM2026 bukan sekadar sebuah kempen pelancongan, sebaliknya merupakan satu kerangka penyelarasan nasional. Sambutan simbolik di Negeri Sabah ini menjadi platform penting untuk menilai tahap kesiapsiagaan negeri yang merangkumi aspek infrastruktur, hospitaliti, penglibatan komuniti serta kelestarian alam sekitar, sebagai persediaan menuju pelaksanaan Tahun Melawat Sabah 2027," katanya.

Penganjuran sambutan peringkat nasional ini direalisasikan menerusi kerjasama erat antara kerajaan negeri, syarikat penerbangan, pihak berkuasa lapangan terbang, penggiat industri pelancongan dan rakan strategik berkaitan. Sumbangan yang disalurkan merangkumi sokongan logistik, penyediaan lokasi, serta penganjuran bersama rakan

strategik dan penaja seperti KePKAS, Sabah Tourism Board, Malaysia Airport Holding Airports (MAHB), BOH, Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL), Gamuda Land, Grab Malaysia, Guardian, Hock Kee F&B Holding Sdn. Bhd., Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC), MAMEE, MITEC, Oriental Coffee, ParagonCorp MY, Photobook Charm, dan Syarikat Permainan Malaysia Sdn. Bhd.. Penajaan dalam bentuk baucar, produk makanan dan minuman, cenderamata serta diskaun pusat tarikan ini telah menambah nilai kepada pengalaman ketibaan pelawat, sekali gus melambangkan kesiapsiagaan Malaysia dalam menyambut kunjungan pelancong dari seluruh dunia.

Bagi memeriahkan acara sambutan, ketibaan pelawat terawal di lokasi terpilih disambut dengan pelbagai persembahan kebudayaan Malaysia termasuk persembahan pemuzik jalanan dan persembahan kontemporari yang menampilkan elemen warisan negara di samping penampilan maskot rasmi VM2026, Wira dan Manja. Para pelawat turut menerima cenderamata bertemakan VM2026, termasuk rantai kunci eksklusif maskot kempen menjadikan percutian di Malaysia sempena VM2026 satu pengalaman unik dan sukar dilupakan.

Kalendar acara VM2026 turut diperkenal yang menampilkan lebih 300 program dan acara sepanjang tahun merangkumi elemen seni dan budaya, warisan serta kepelbagaian kaum melalui sambutan dan tradisi perayaan di Malaysia. Antara acara utama yang diketengahkan ialah *VM2026 Chinese New Year Festival*, *VM2026 Aidilfitri Festival*, *VM2026 Deepavali Festival*, *VM2026 Christmas Fest* dan keunikan perayaan tradisi tempatan seperti Pesta Kaamatan (Tadau Kaamatan) dan Pesta Gawai.

Menerusi kempen VM2026, Malaysia menyasarkan untuk menarik 43 juta pelawat antarabangsa pada tahun 2026, selari dengan usaha berterusan memperkukuh sektor pelancongan sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Momentum positif ini diperkukuh oleh prestasi ketibaan pelawat antarabangsa yang memberangsangkan dari Januari hingga November 2025 dengan jumlah 38.3 juta pelawat antarabangsa. Berteraskan lagu tema *Surreal Experiences*, kempen VM2026 akan menampilkan rangkaian program yang meriah sepanjang tahun merangkumi festival, acara kebudayaan, pameran dan sambutan komuniti yang direka khas bagi memukau serta menarik pelawat dari seluruh dunia.

Memanfaatkan potensi Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul, VM2026 dijangka mampu meningkatkan ketibaan pelawat, menjana peluang pekerjaan, serta memperkukuh imej negara di peringkat antarabangsa. Selain itu, kempen ini juga akan memberi manfaat kepada perkembangan ekonomi komuniti setempat sambil menyokong kemajuan pelbagai sektor berkaitan termasuk pengangkutan, peruncitan, kraftangan serta industri kecil dan sederhana (IKS) yang lain.

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.



Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Haryanty binti Abu Bakar

Pengarah

Tourism Malaysia Sabah

haryanty@tourism.gov.my

Tel: +6088 211 732

Norshariza binti Mohd Saad

Timbalan Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

norshariza@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8775

